JABATAN PENDAFTAR
Department of Registrar
إدارة المسجل العام

# IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | : | Penolong Pegawai Keselamatan |
| **Badan Berkanun** | : | Universiti Sains Islam Malaysia |
| **Kumpulan Perkhidmatan** | : | Pelaksana |
| **Klasifikasi Perkhidmatan** | : | Keselamatan |
| **Jadual Gaji** | : | see table below |

| Gred | Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kenaikan Gaji Tahunan |
|---|---|---|---|
| KP29 | RM 1,493.00 | RM 5,696.00 | RM 145.00 |

**Syarat Lantikan** :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c)

   (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (Gaji permulaan pada Gred KP29 : RM 1,493.00); atau

   (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (Gaji permulaan pada Gred KP29 : RM 1,493.00); atau

   (iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

   (Gaji permulaan pada Gred KP29 : RM 1,493.00); atau

   (iii) diploma yang diiktiraf setaraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatann atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan pada Gred KP29 : RM 1,770.95)

   Dan

| | | |
|---|---|---|
| | | (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut;<br><br>a. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;<br><br>b. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;<br><br>c. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara Julat 19 hingga 26.<br><br>d. mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);<br><br>e. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan<br><br>f. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.<br><br>g. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar. |
| **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu** | : | Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)i, 1(c)iii atau 1(c)iv hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| **Taraf Jawatan** | : | Kontrak |
| **Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan** | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Keselamatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |
| **Fungsi Bidang Tugas** | : | Bertanggungjawab memberi khidmat nasihat, memantau dan menguatkuasakan undang-undang, peraturan serta arahan tentang keselamatan perlindungan, sasaran penting dan kawasan tempat larangan untuk mengekal dan mempertingkatkan tahap keselamatan fizikal, dokumen, peribadi, keselamatan perlindungan ICT serta melindungi aset dan rahsia rasmi daripada pelbagai bentuk ancaman keselamatan, mengendalikan latihan dan kursus, menjalankan pemeriksaan keselamatan, menjalankan siasatan terhadap pelanggaran keselamatan dan pembocoran rahsia rasmi serta menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa. |
| **Tarikh Tutup Permohonan** | : | **28 Jun 2023** |